

16/08/1997

Pemimpin generasi ketiga dikesan

KUALA TERENGGANU, Jumaat - Pergerakan Pemuda Umno Malaysia, sedang mengesan ketokohan daripada generasi ketiga untuk melahirkan pemimpin yang bertaraf dunia bagi menghadapi alaf baru kepemimpinan negara.

Pergerakan itu melihat kelahiran tokoh baru perlu dibentuk bagi mengisi kekosongan yang bakal ditinggalkan pemimpin yang ada sekarang selepas tahun 2000, kata Ketua Pergerakan Pemuda Umno Malaysia, Datuk Zahid Hamidi.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Wacana Intelektual Muda Terengganu Darul Iman di sini, pagi ini, beliau berkata, pemilihan itu tidak tertakluk kepada ahli pergerakan itu saja, tetapi daripada kumpulan yang lain seperti kalangan mahasiswa, belia, tokoh akademik dan kumpulan bukan kerajaan.

Beliau berkata, generasi yang akan dipilih mestilah mempunyai kekuatan untuk menghadapi pelbagai tekanan untuk membawa wadah perjuangan yang tidak akan mengecewakan kepemimpinan ada sekarang.

Ciri yang bakal dilihat nanti katanya, pemimpin yang mempunyai ketokohan, kemantapan kerohanian, semangat kekitaan dalam konteks negara pelbagai kaum dan berupaya meneruskan tradisi menjadikan Malaysia sebagai contoh kepada negara yang sedang membangun yang lain.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pemimpin sebelum ini meletakkan Malaysia di tahap tertinggi dan kita perlu melihat pembangunan seterusnya harus berpaksikan Islam.

"Malaysia menjadi fokus dunia selepas tumpuan berpindah ke Nusantara dari Timur Tengah, kerana Malaysia kini dianggap model kepada kebangkitan semula Islam sejagat," katanya.

Zahid berkata, tumpuan kelahiran pemimpin baru perlu mempunyai kekuatan untuk menjadi jurubicara Dunia Ketiga.

Untuk itu katanya, beberapa pendekatan perlu dibuat oleh pemuda terutama mengkritik diri sendiri (muhasabah) untuk memperbaiki diri, mengekalkan ekonomi ke tahap cemerlang supaya dapat menghalang sebarang perbuatan tidak bertanggungjawab daripada pihak lain.

Lebih 300 peserta terdiri daripada mahasiswa dan ahli pergerakan pemuda menyertai wacana sehari itu.

(END)